

5PM cawangan Sandakan anjur Bengkel Penulisan Biodata untuk golongan pendidik

NST 13.8.2017 5
SANDAKAN: Persatuan Pesara Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Malaysia (5PM) cawangan Daerah Sandakan telah mengorak langkah lebih aktif dan proaktif apabila berjaya menganjurkan 'Bengkel Penulisan Biodata' yang diadakan di Bilik Gerakan Sekolah Kebangsaan (SK) Sungai Manila Sandakan, dekat sini, Jumaat lepas.

Bengkel tersebut mendedahkan tentang format dan disiplin penulisan biodata yang betul kepada 50 orang peserta yang terdiri daripada para pesara guru di daerah ini, guru besar, penolong kanan dan guru-guru sekitar sekolah Sandakan.

Pengerusi Penganjur yang juga Pengerusi 5PM Cawangan Sandakan, Budun Hj Muari sangat berpuas hati kerana kursus tersebut sangat memberi manfaat kepada semua peserta dan sekali gus boleh diimplimentasikan bagi ke-

pentingan pesaraan kelak.

"Bengkel yang disampaikan ini telah mendedahkan banyak ilmu pengetahuan tentang cara-cara penulisan biodata dan amat sesuai bagi mereka yang sudah bersara," katanya ketika ditemui di bengkel berkenaan.

Katanya, bengkel tersebut turut memberikan pendedahan kepada pesara dan bakal pesara bagaimana menulis biodata diri untuk dimasukkan dalam buku jejak pendidik VI.

Bengkel dikendalikan oleh Dr. Dayu Sansalu, seorang pesara guru yang juga bekas Pegawai Pendidikan Bahagian Sandakan (PPB) dari tahun 2001 hingga 2006.

Semasa beliau bertugas sebagai PPB Sandakan, Dr Dayu telah melancarkan 'Program Best', yang telah berjaya meletakkan Sandakan dalam mercu pembangunan pendidikan bertaraf cemerlang



KENANGAN ... Para AJK bergambar dengan Dr. Dayu (duduk, tengah) selepas bengkel itu.

dalam pelbagai bidang khususnya bidang akademik, pembangunan diri pelajar, kokurikulum, meningkatkan komitmen dan kompetensi guru dan pengurusan yang berintegriti.

Kini, Dr. Dayu bertugas sebagai penyarah kontrak di Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan sedang bergiat aktif

dalam penulisan buku.

Antara buku yang telah diterbitkan ialah "Sejarah Perkembangan Pendidikan di Sabah dari tahun 1881 hingga 1981 dan 'Warisan Etnik Kadazandusun'". - **OLEH ROZZALIN HASHIM (rozzalin@newsabah-times.com.my)**